

Headline	THT HAMPIRI GELARAN BERGANDA		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	25 Sep 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Sukan	Page No	22
ArticleSize	246 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 16,480		



PEMAIN Sapura, Faiz Helmi Jali (kanan) pastinya ingin membalas dendam kekalahan besar 4-1 mereka kepada THT dalam kempen Liga Premier pada 16 September lalu apabila kedua-dua pasukan bersaing dalam perlawanan akhir Piala TNB di Kuala Lumpur hari ini.

THT HAMPIRI GELARAN BERGANDA

KUALA LUMPUR 24 Sept. - Perlawanan akhir Piala TNB 2016 di Stadium Tun Razak esok dijangka berlangsung sengit kerana Sapura pastinya mahu mengekang Pasukan Hoki Terengganu (THT) daripada menjulang trofi utama keduanya tahun ini.

THT, yang masih segar dengan kejayaan muncul juara Liga Premier kali ketiga berturut-turut, juga mampu mencipta sejarah dengan meraih kejayaan hatrik dalam pertandingan Piala TNB sejak kali pertama memenangkannya pada 2014.

Bagaimanapun, laluan untuk merealisasikan misi THT itu sudah tentu bukan mudah kerana Sapura yang begitu dahagakan kejuaraan sejak kali terakhir muncul juara pada 2006 akan memberikan tentangan sengit.

Walaupun satu trofi sudah berada dalam genggamannya Sapura iaitu Piala Tan Sri P. Alagendra namun itu masih belum mencukupi buat skuad bimbingan Yahya Atan.

Tonggak pertahanan Sapura dan juga skuad kebangsaan Faiz Helmi Jali berkata dia serta rakan sepasukannya akan bekerja keras dalam usaha mendapatkan kemenangan esok.

PIALA TNB

JADUAL

HARI INI

THT LWN SAPURA, 8.30 MLM
Stadium Tun Razak

"Kami memang sudah cukup bersedia sebab sasaran utama sememangnya mahu ke final.

"Cuma kami berdepan sedikit masalah kerana ketiadaan kapten Marhan (Jalil) di bahagian tengah kerana kecederaan buku lali kiri.

"Ini mungkin akan merencatkan rentak permainan kami sebab Marhan kebiasaannya sangat berfungsi di posisi tengah," katanya yang dijangka menggalas tugas selaku kapten menggantikan Marhan.

Sementara itu, kapten THT Mohd. Shahrul Nabil Abdullah berkata dia serta rakan-rakannya sudah bersedia untuk mempertahankan Piala TNB daripada terlepas kepada pasukan lawan.

"Kami bermula agak perlahan pada awal saingan liga dan kini prestasi kami semakin meningkat," katanya.